



SIARAN MEDIA

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

100 SUKARELAWAN SERTAI PROGRAM *DISCOVER KINABENUWA: HEART OF MANGROVE*

Aktiviti penanaman pokok bakau yang berlangsung hari ini di Taman Ekologi Paya Bakau Kinabenuwa merupakan antara pengisian Program *Discover Kinabenuwa: Heart of Mangrove* anjuran Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dan Perbadanan Labuan (PL) bersama Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS). Seramai 100 orang sukarelawan terdiri daripada komuniti Wilayah Persekutuan Labuan, pelajar sekolah, pasukan CSR JWP dan PL serta YSS berganding tenaga dalam meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan ekosistem Taman Ekologi Paya Bakau Kinabenuwa.

Sebanyak 200 anak pokok paya bakau spesis Bakau Minyak (*Rhizophora Apiculate*) dan Bakau Kurap (*Rhizophora Mucronate*) ditanam di kawasan sekitar Taman Ekologi Paya Bakau Kinabenuwa yang dapat melindungi kawasan sekitar daripada hakisan dan hentaman ombak. Kinabenuwa merupakan kawasan paya bakau terbesar di Pulau Labuan dengan keluasan 374.21 hektar. Flora yang direkodkan di Kinabenuwa meliputi 47 spesis daripada 23 famili termasuk beberapa spesis yang tersenarai dalam status terancam seperti Merbau Ipil (*Intsia Bijuga*) Gedabu Hibrid (*Sonneratia x Hainanensis*) dan Gedabu (*Sonneratia Ovata*). Selain itu, terdapat spesis endemik Borneo iaitu Gelam Laut (*Osbornia Octadonta*) yang menambah nilai saintifik kawasan Kinabenuwa.

Selain aktiviti penanaman pokok bakau, turut dilaksanakan hari ini ialah aktiviti pembersihan sampah dan sisa terapung di sekitar kawasan paya bagi memastikan habitat semula jadi kekal bersih dan kondusif untuk flora serta fauna.

Kinabenuwa turut menjadi habitat kepada pelbagai hidupan liar meliputi mamalia, reptilia, ikan krustasia dan moluska manakala perairannya kaya dengan plankton membekalkan sumber ikan yang melimpah. Sebanyak 12 spesis burung telah direkodkan di kawasan Kinabenuwa dan pesisir Kampung Bebuloh iaitu Burung Pependang Timur (*Anhinga Melanogaster*) yang kini berstatus hampir terancam.

Pada 11 Julai 2023, Kinabenuwa telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kinabenuwa manakala pada 5 Mac 2024, Kinabenuwa diiktiraf sebagai hab ekopelancongan bagi memperkukuh daya tarikan pelancongan hijau dan kelestarian di Pulau Labuan. Selain kepentingannya dari segi pemeliharaan alam sekitar, Kinabenuwa juga dikenal pasti sebagai habitat pembiakan kelip-kelip di sepanjang Sungai Kinta Benuwa, sekali gus menjadikannya tarikan baharu dalam sektor ekopelancongan di Pulau Labuan.

Melalui aktiviti penanaman pokok dan pembersihan ini, sukarelawan bukan sahaja membantu memulihara alam sekitar, tetapi juga menyemai rasa tanggungjawab bersama terhadap kelestarian habitat semula jadi menjadikan Taman Ekologi Paya Bakau Kinabenuwa sebagai contoh terbaik bagaimana komuniti setempat boleh menjadi agen perubahan dalam menjaga keseimbangan ekosistem alam. Program ini juga menyokong aspirasi Wilayah Persekutuan Labuan ke arah Wilayah Hijau dan Lestari, di mana pembangunan fizikal dan pelancongan dijalankan selaras dengan pemuliharaan alam sekitar dan kesejahteraan masyarakat.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
Jabatan Wilayah Persekutuan
11 Oktober 2025

